

Media Title : Harian Metro
Headline : RM170k lebur diperdaya sindiket menyamar polis, pegawai bank
Date : 20 September 2024
Section : Lokal
Page : 10



RM170k lebur diperdaya sindiket menyamar polis, pegawai bank

Kulai: Seorang pemilik syarikat kejuruteraan kerugian wang simpanan RM170,000 selepas diperdaya individu menyamar sebagai pegawai polis dan pegawai bank, bulan lalu.

Ketua Polis Daerah Kulai, Superintendan Tan Seng Lee berkata, pihaknya menerima laporan daripada mangsa iaitu lelaki tempatan berumur 48 ta-

hun itu, Selasa lalu.

Katanya, mangsa mendakwa menerima panggilan telefon daripada suspek yang memperkenalkan diri sebagai pegawai bank pada 10 Ogos lalu.

"Suspek mendakwa akaun bank milik mangsa terbabit aktiviti pengubahan wang haram.

"Panggilan telefon itu disambungkan kepada

suspek lain yang memperkenalkan dirinya sebagai pegawai polis, dan mengesahkan siasatan terhadap

akaun milik mangsa.

"Suspek mendakwa boleh membantu mangsa untuk tidak dikenakan tin-

"Mangsa menyedari ditipu selepas suspek gagal dihubungi untuk mendapatkan status siasatan terhadap akaun bank dan wang dipindahkan"

Ketua Polis Kulai, Tan Seng Lee

dakan undang-undang dengan cara membuat pindahan wang ke dalam akaun bank diberikan, sementara siasatan dijalankan dan wang dikembalikan semula selepas siasatan selesai," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Menurut Seng Lee, mangsa menuruti arahan suspek dan membuat pin-

dahan wang ke tujuh akaun bank berbeza dengan jumlah keseluruhan RM170,000.

"Mangsa menyedari ditipu selepas suspek gagal dihubungi untuk mendapatkan status siasatan terhadap akaun bank dan wang dipindahkan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksamaan," katanya.